

TARIKH	02 / 09 / 2016	SEKSYEN	SETEMPAT
MUKA SURAT	15	RUANGAN	

Maklumat: Pihak Berkuasa Palang Merah Saudi (SRCA) menyediakan lapan pesawat sebagai ambulans udara bagi membawa jemaah haji yang sakit ke hospital.

Pemangku Pengerusi SRCA Mohammed Abdullah Al-Qasim memberitahu Saudi Gazette, pihaknya juga menempatkan 2,459 petugas di Makkah, Madinah dan di beberapa lokasi di Tanah Suci untuk memberikan perkhidmatan ambulans untuk tetamu Allah pada musim haji tahun ini. Mohammed Abdullah

SRCA sedia 8 ambulans udara

berkata, pihak berkuasa turut menyediakan 113 pusat khidmat ambulans di Tanah Suci dan di sepanjang jalan menuju ke situ.

"Kami wujudkan enam pusat ambulans bermusim di sepanjang laluan jemaah ke Masjidilharam sebagai

tambahan kepada pusat kekal di laluan darat, bandar dan perkampungan," katanya.

Menurut beliau, pihak berkuasa menggunakan 290 ambulans dan 29 motosikal untuk menyediakan perkhidmatan pantas kepada jemaah haji.

Katanya, 99 doktor, 1,579 paramedik serta pembantu teknik turut berkhidmat se-

bagai tambahan kepada 1,400 sukarelawan yang bertugas.

Sehingga Isnin lalu, 780,000 jemaah dari seluruh dunia dilaporkan tiba di Tanah Suci melalui laluan udara, laut dan darat.

Sebahagian jemaah dilaporkan menuju ke Madinah untuk melakukan ziarah ke Masjid Nabawi dan makam Rasulullah, manakala sebahagian lagi terus ke sini untuk ibadat haji.

